

Perkasa sistem halal

Kerajaan akan menu-
buhkan Majlis Pro-
fesional Halal (MPH)
bagi memperkasakan lagi
sistem pengurusan halal di
negara ini.

Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan) Jabatan Ke-
majuan Islam Malaysia (JA-
KIM) Awang Khalid Mat Ali
berkata, penubuhan majlis
berkenaan diluluskan pada
Mesyuarat Majlis Kebanga-
san Bagi Hal Ehwal Agama
Islam Malaysia (MKI) ke- 58,
hujung tahun lalu.

Katanya, MPH akan ber-
ada di bawah JAKIM dan
fungsi utama menentu-
kan dasar, peraturan
serta garis panduan
bagi pelaksanaan
latihan profesio-
nal untuk semua
peringkat dalam
bidang industri
halal di negara ini.

“Selain itu, majlis
berkenaan juga akan
menjalankan penilaian,
membuat pengiktirafan dan
mendaftarkan skim latihan
halal memenuhi peraturan
ditetapkan.

“Kami harap majlis yang
ditubuhkan itu menyum-
bang kepada pemerkasaan
sistem pengurusan halal di
negara ini,” katanya ketika
berucap merasmikan Kong-
res Eksekutif Halal Malaysia
2015 anjuran Persatuan Pro-
fesional Eksekutif Halal Ma-
laysia (PEHMA) di Universiti
Putra Malaysia (UPM), se-
malam.

■ Majlis Profesional Halal percekap pengurusan

*AWANG Khalid (dua dari kiri) menyampaikan anugerah Inovasi
Syariah kepada Ainul Hasnizam Abu Hassan turut kelihatan Dr Mohd
Fauzi (dua dari kanan) pada Kongres Eksekutif Halal Malaysia 2015.*

FOTO: ABDULLAH YUSOF



FAKTA
Industri halal
turut
merangkumi
pembangunan
modal insan

Beliau mewakili Menteri
di Jabatan Perdana Menteri
Datuk Seri Jamil Khir Ba-
harom dan hadir sama, Naib
Canselor UPM Profesor Da-
tuk Dr Mohd Fauzi Ramlan.

Menurut Awang Khalid,
kerajaan juga akan mem-
pertingkatkan pembangu-
nan modal insan, kepakaran
serta kemahiran dalam in-
dustri halal di negara ini bagi
memastikan ia lebih berdaya
saing.

Beliau berkata, keperluan

itu bagi memastikan sumber
tenaga berkenaan bersedia
sepenuhnya untuk mem-
enuhi tuntutan dalam industri
terbabit.

Katanya, industri halal
bukan saja mengenai produk
semata-mata, tetapi turut
merangkumi pembangunan
modal insan yang berpenge-
tahuan bukan saja dalam
hukum syarak juga aplikasi
halal lain.

Mekanisma berkenaan
penting dalam usaha mem-

bantu masyarakat mereali-
sasikan konsep Halalan To-
yiba di negara ini.

“Konsep itu standard pe-
nentuan kualiti penggunaan
dan ia penting untuk semua
pihak memahaminya de-
ngan sempurna.

“Ia perlu diguna pakai se-
mula pihak sama ada ke-
rajaan, pengeluar mahu pun
pengguna itu sendiri,” ka-
tanya.

Jelas Awang Khalid lagi,
dalam usaha untuk merea-

lisasikan konsep berkenaan
juga kerajaan sudah melak-
sanakan pelbagai mekanis-
ma menerusi perundangan,
penetapan garis panduan,
pembangunan standard ser-
ta skim, logo dan penge-
luaran sijil halal.

Katanya, sebagai agensi
yang bertanggungjawab,
JAKIM sentiasa bekerja sama
erat dengan pelbagai agensi
kerajaan termasuk universiti
tempatan untuk memenuhi
keperluan berkenaan.